

## SENI MENDIDIK GENERASI Z DAN ALPHA BERPANDUKAN SUNNAH

Mohd Rashidi Omar  
Kolej Komuniti Chenderoh, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.  
Tel: +60175415359, E-Mel: [mohd.rashidi@kkche.edu.my](mailto:mohd.rashidi@kkche.edu.my)

Mohd Lukman Daud  
Kolej Komuniti Chenderoh  
[lukman@kkche.edu.my](mailto:lukman@kkche.edu.my)

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi  
[zulazizi0902@gmail.com](mailto:zulazizi0902@gmail.com)

### ABSTRAK

Cabaran mendidik generasi alaf baharu yang terdiri daripada generasi Z dan generasi *Alpha* menuntut kepada tahap kesungguhan, kesabaran dan seni mendidik yang bersesuaian. Hal ini demikian kerana, generasi Z merupakan generasi yang lahir antara tahun 1997 hingga 2010, ketika teknologi sudah berkembang pesat dan majoritinya memiliki telefon bimbit. Sedangkan, generasi *Alpha* pula adalah generasi yang lahir pada tahun 2010 hingga 2025. Generasi ini telah mengenal gajet dan familiar menggunakan teknologi canggih walaupun pada usia yang sangat muda. Seni mendidik yang efektif diperlukan bagi melenturi jiwa anak-anak muda berlandaskan sunnah Nabi Muhammad SAW. Justeru, beberapa seni dan teknik yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW seperti teknik sentuhan, teknik menegur dengan menerangkan, teknik menyelesaikan masalah, teknik memberikan pujian, teknik memelihara maruah, teknik kecindan, , teknik beriadah, teknik adil dan saksama dan teknik didik hibur berlandaskan sunnah Nabi Muhammad SAW. Metodologi kajian yang digunakan adalah secara analisis dokumen melalui buku-buku rujukan, jurnal, akhbar, artikel, ensiklopedia dan bahan bacaan di perpustakaan. Kesimpulannya, seni mendidik gaya Rasulullah SAW sangat berimpak dan relevan dipraktikkan kepada pelbagai generasi. Rasulullah SAW adalah pendidik unggul yang paling berjaya dalam menyampaikan pengajaran secara menyeluruh merangkumi perkara kognitif, efektif dan psikomotor. Perkara ini juga jelas terbukti apabila Nabi Muhammad SAW diletakkan pada kedudukan nombor satu oleh pengkaji Barat, Micheal Hart sebagai satu-satunya pemimpin dan pendidik yang berjaya memberikan inspirasi dan amat istimewa buat seluruh manusia untuk diteladani dan dicontohi.

**Kata Kunci:** Generasi Z dan Generasi Alpha, Seni Mendidik, Sunnah

## **Pendahuluan**

Cabaran mendidik generasi alaf baharu yang terdiri daripada generasi Z dan generasi *Alpha* menuntut kepada tahap kesungguhan, kesabaran dan seni mendidik yang bersesuaian.

Menurut Mutiara Swandhina & Redi Awal Maulana (2022), generasi Z merujuk kepada generasi yang lahir pada tahun 1995 hingga tahun 2010. Generasi ini lahir ketika teknologi sudah berkembang lengkap dan majoritinya memiliki telefon bimbit sendiri seawal umur 10 tahun. Secara purata, generasi muda ini juga menghabiskan masa menggunakan telefon bimbit sehingga 3 jam sehari. Generasi Z biasanya memiliki personaliti seperti bercita-cita tinggi, yakin dan sangat bergantung pada dunia digital.

Manakala generasi *Alpha* pula ialah mereka yang lahir pada tahun 2010 hingga tahun 2025. Generasi ini akan mengenal gajet dan sangat menggunakan teknologi canggih lainnya walau umur mereka masih sangat muda. Generasi Alpha merupakan generasi dengan pertumbuhan tertinggi berbanding generasi lain. Menurut Umardin (2017) menyatakan bahawa, setiap minggu terdapat 2.5 juta anak dilahirkan di dunia.

Generasi *Alpha* juga dijangkakan akan memberikan impak pada dinamika dunia disebabkan mudahnya akses dan komunikasi secara global, maka anak-anak yang termasuk generasi ini mungkin akan lebih mampu memperluas kemampuan komunikasi linguistik mereka.

Namun, di sebalik kemudahan dan kecanggihan ini, mereka turut terdedah kepada ancaman siber dan kesihatan mental kerana mudah dipengaruhi dengan media sosial. Justeru itu, seni mendidik yang efektif diperlukan bagi melenturi jiwa anak-anak muda berlandaskan sunnah Nabi Muhammad SAW.

## **Seni Mendidik Generasi Z dan Alpha Berpandukan Sunnah**

Seni mendidik yang efektif diperlukan bagi melenturi jiwa anak-anak muda berlandaskan sunnah Nabi Muhammad SAW. Justeru, beberapa seni dan teknik yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW seperti teknik menegur dengan menerangkan, teknik menyelesaikan masalah, teknik memberikan pujian, teknik memelihara maruah, teknik kecindan, teknik sentuhan, teknik beriadah, teknik adil dan saksama dan teknik didik hibur berlandaskan sunnah Nabi Muhammad SAW. Metodologi kajian yang digunakan adalah secara analisis dokumen melalui buku-buku rujukan, jurnal, akhbar, artikel, ensiklopedia dan bahan bacaan di perpustakaan. Kesimpulannya, seni mendidik gaya Rasulullah SAW sangat berimpak dan relevan dipraktikkan kepada pelbagai generasi. Rasulullah SAW adalah pendidik unggul yang paling berjaya dalam menyampaikan pengajaran secara menyeluruh merangkumi perkara kognitif, efektif dan psikomotor. Perkara ini juga jelas terbukti apabila Nabi Muhammad SAW diletakkan pada kedudukan nombor satu oleh pengkaji Barat, Micheal Hart sebagai satu-satunya pemimpin dan pendidik yang berjaya memberikan inspirasi dan amat istimewa buat seluruh manusia untuk diteladani dan dicontohi (Omar & Ahmad Damahuri, 2021).

Antaranya seni yang dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam mendidik para sahabat (Al Mabarkafuri, 1994)

#### **a. Sentuhan**

Teknik sentuhan diamalkan oleh Nabi Muhammad ketika mengajar sambil memegang bahu atau tangan salah seorang sahabat Baginda SAW. Dengan sentuhan akan menyebabkan pendengar akan memberikan perhatian kepada orang yang ingin sesuatu menyampaikan perkara. Perkara ini dijelaskan oleh Abdullah bin Umar melalui sabda Nabi yang bermaksud:

Daripada Abdullah bin Umar berkata: *Rasulullah pernah memegang bahu, lalu bersabda: Jadilah kamu di dunia seperti seorang yang berkelana asing, bahkan sebagai orang yang merentas pada sesuatu jalan, dan anggaplah dirimu sebagai salah seorang penghuni kubur (orang yang telah mati)*

Kata Abdullah bin Umar pula: *Apabila kamu berada pada waktu petang maka janganlah kamu tunggu sehingga sampai ke waktu pagi, demikianlah juga ketika berada di waktu pagi jangan pula kamu menanti sehingga sampai ke waktu petang. Rebutlah kesempatan di waktu sihat sebelum kamu ditimpa sakit dan hidupmu sebelum mati, maka ingatlah wahai hamba Allah bahawa sesungguhnya kamu tidak akan lagi mengetahui apakah namamu pada hari esok?.*  
(Riwayat Bukhari dan Tarmizi )

Hadis menjelaskan beberapa pengajaran antaranya guru boleh menyentuh pelajar mereka ketika memberikan nasihat agar menimbulkan kemesraan dan menarik perhatian mereka (Abu Ghuddah, 2015).

#### **b. Menegur dengan menerangkan**

Teknik menegur dengan menerangkan bermaksud menegur kesalahan dan kesilapan yang biasa berlaku, dengan menerangkan peraturan dan perbuatan yang betul kepada pelajar.

Anas bin Malik RA menyatakan, pada suatu masa dia dan beberapa orang lelaki lain sedang berada di dalam masjid bersama-sama Nabi Muhammad SAW. Tiba-tiba masuklah seorang lelaki arab daripada kampung tersebut, lalu lelaki itu berdiri dan membuang air kecil. Melihat kejadian itu, sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW yang ada di situ terus mengherdik lelaki tersebut. Sebaliknya nabi SAW berkata, “Jangan buat dia berhenti kencingnya. Biarkan saja. “ Lalu semua yang ada membiarkan sahaja lelaki itu menghabiskan kencingnya. Selepas itu Nabi SAW memanggil lelaki itu dan berkata kepadanya, “Sesungguhnya, di dalam masjid ini tidak boleh kencing ataupun membuang sedikit pun kekotoran, sebaliknya hanya boleh berzikir mengingati Allah SWT, bersembahyang dan membaca al-Quran.” Kemudian Nabi Muhammad SAW menyuruh salah seorang yang ada di situ pergi mengambil setimba air lalu disirami air kencing itu. (Riwayat Muslim)

Di dalam hadis ini Nabi Muhammad SAW menunjukkan cara menegur orang kampung yang tidak tahu undang-undang. Nabi Muhammad SAW hanya

menerangkan undang-undang apabila berada di dalam masjid. Tanpa menyebut perkataan ‘kamu’, kata-kata Nabi Muhammad SAW itu berbentuk umum, boleh ditafsirkan sebagai kata-kata itu ditujukan kepada semua orang yang ada bersama ketika itu. Ayat yang menggunakan perkataan ‘kamu’ adalah ayat yang ditujukan kepada diri orang itu, ertinya teguran ditujukan kepada diri, bukan ditujukan kepada perbuatan. Penggunaan ‘kamu’ menjatuhkan maruah orang yang ditegur (Tim Pengkaji Hadith Psikologi, 2013).

Sebagai pendidik, teknik ini sesuai digunakan untuk mendorong tingkah laku pelajar yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman tentang kesalahan yang dilakukannya. Kita juga dapat memahami apabila kesalahan itu dilakukan oleh orang yang tiada ilmu, tidak perlu dia membetulkan kesalahannya, malah orang lain diminta melakukannya. Selain itu, apabila orang melakukan kesalahan, jangan persalahkan pelaku tersebut sebaliknya terangkan peraturannya sahaja (Al-Munziri, 1990).

### **c. Menyelesaikan Masalah**

Antara pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan adalah memberikan solusi kepada masalah tersebut bukannya dengan menghukum dan bukan juga cuba memahami masalah. Nabi Muhammad SAW tidak menyiasat latar belakang yang orang yang melakukan kesalahan. Inilah perbezaan gaya kaunseling Nabi Muhammad SAW yang amat berbeza dengan prosedur kaunseling oleh ahli-ahli psikologi Barat.

Dalam satu hadis diriwayatkan, pada suatu hari ada seorang lelaki datang berjumpa Nabi Muhammad SAW lalu berkata,

*“Saya telah bercumbu-cumbu dengan seorang perempuan di pinggir kota, saya sudah buat semuanya kecuali bersetubuh dengannya. Sekarang saya datang pada tuan, maka hukumlah saya sebagaimana yang kamu mahu.” Umar bin Khattab RA memarahi lelaki tersebut dan berkata, Allah SWT menutup kesalahan kamu jikalau kamu menutup kesalahan kamu sendiri!”*

*Mendengar kata-kata Umar itu, Nabi tidak berkata apa-apa. Kemudian lelaki itu pergi tetapi Nabi menyuruh orang memanggil lelaki itu supaya datang semula. Baginda SAW membacakan kepada lelaki itu, “Dan dirikanlah solat itu pada pagi dan petang; dan pada bahagian permulaan daripada malam. Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu menghapuskan dosa daripada perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang ingat.” Kemudian seorang lelaki yang ada di situ bertanya, “Wahai Rasulullah, apakah ayat itu ditujukan khusus untuk dia seorang sahaja ataupun ditujukan kepada semua orang? Nabi SAW menjawab, “Untuk semua orang.” (Riwayat Muslim)*

Daripada hadis ini, didapati bahawa prinsip menyelesaikan masalah individu lain ialah; apabila ada kesalahan dilakukan, punca-punca kesalahan itu tidak disiasat; tidak bertanya ‘mengapa’; tumpukan kepada memberikan jalan penyelesaian masalah; dan tidak menghukumkan orang yang melakukan kesalahan yang hukumannya tidak ditetapkan oleh Allah di dunia ini seperti kesalahan bercumbu.

Dapat difahami bahawa Nabi Muhammad memberi pendidikan melalui motivasi

akhlak, iaitu perubahan sikap dan tingkah laku yang berkaitan dengan moral. Teknik-teknik di dalam hadis ini sesuai digunakan kepada orang yang pernah melakukan kesalahan akhlak seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Penggunaan teknik tersebut mempunyai kuasa mendorong orang yang pernah melakukan dosa supaya memberhentikan perbuatannya. Selain itu tidak perlu menyiasat mengapa seseorang itu melakukan dosa-dosa yang pernah dilakukannya (Tim Pengkaji Hadith Psikologi, 2013).

#### **d. Memuji**

Kata-kata pujian mempunyai kuasa dorongan yang luar biasa. Meskipun pujian adalah sejenis motivasi dari luar, namun pujian dapat mencetuskan dorongan dari dalam (Mohd *et al.*, 2013).

Dalam sebuah hadis, Nabi Muhammad SAW menunjukkan strategi, prinsip, teknik dan skrip yang baginda gunakan bagi mendorong seseorang yang belum cemerlang tingkah lakunya, supaya perlahan-lahan berubah menjadi lebih baik. Tanda individu yang masih belum cemerlang adalah apabila dia melakukan perkara yang baik namun pada masa yang sama dia masih melakukan kesilapan.

Anas bin Malik RA menceritakan, “Pada suatu hari ada seorang lelaki datang dan dia terus masuk barisan orang-orang yang sedang sembahyang, dengan nafasnya termengah-mengah kerana terkocoh-kocoh mengejar waktu sembahyang sambil membaca ‘Alhamdulillah hamdan kasiran thiyiyiban mubarakan fih’ (segala pujian yang banyak, bagus, lagi penuh berkat).

Selepas sembahyang, Nabi Muhammad SAW bertanya, “Siapakah tadi yang mengucapkan kata-kata itu?”. Semua orang yang ada diam, tiada seorang apun menjawab. Nabi SAW bertanya lagi “Siapakah tadi yang mengucapkan kata-kata itu?”. Sebenarnya dia tidak mengucapkan sesuatu yang berdosa. “Lalu seorang lelaki berkata, “tadi saya datang dengan termengah-mengah, lalu saya ucapkan kata-kata itu.” Kemudian Nabi berkata, “Sesungguhnya, saya nampak 12 malaikat berebut-rebut mengangkat kata-kata itu.” (Riwayat Muslim)

Dalam hadis ini, Nabi SAW menunjukkan kita kepada strategi mendorong perubahan tingkah laku daripada yang kurang elok kepada yang lebih elok di mana beliau tidak mengkritik kesilapan individu itu, berpura-pura tidak melihat kesilapan individu itu, melihat perkara baik yang dilakukan oleh individu itu sahaja dan memuji kebaikan yang dilakukannya itu di hadapan semua orang (Tim Pengkaji Hadith Psikologi, 2013).

#### **e. Memelihara Maruah**

Teknik menjaga maruah pesalah membuktikan bahawa Nabi Muhammad SAW menerima hakikat bahawa keimanan adalah proses yang berlaku secara berfasa-fasa. Baginda telah menunjukkan teknik yang betul bagi mendorong individu yang belum sempurna agamanya. Sebagai contohnya hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Umar RA yang bermaksud:

Umar al-Khattab RA menyatakan, pada suatu masa ada seorang lelaki bernama

Abdullah yang nama gelarannya adalah ‘himar’ yang bermaksud ‘si keldai’. Dia selalu menyebabkan nabi senyum. Nabi pernah mengenakan hukuman sebat kepada Abdullah atas kesalahan meminum arak. Pada suatu hari sekali lagi Abdullah dibawa ke hadapan Nabi atas kesalahan minum arak, lalu nabi pun menjalankan hukuman sebat. Melihat peristiwa itu seorang lelaki berkata, “Ya Allah! Kutuklah dia. Selalu benar dia dibawa ke hadapan nabi lalu nabi SAW berkata, “Jangan kutuk dia, demi, demi Allah saya tahu dia mencintai Allah dan Rasulnya.” (Riwayat Muslim)

Hadis ini menunjukkan strategi yang Nabi Muhammad SAW gunakan bagi mendorong golongan yang sudah beriman tetapi masih belum dapat membuang kesemua tingkah laku negatif mereka. Dalam kes ini, lelaki itu sudah beriman tetapi dia belum dapat mengatasi penyakit ketagihannya kepada arak.

Nabi Muhammad SAW menunjukkan strategi dan teknik yang betul bagi mendorong individu yang belum sempurna agamanya. Secara perlahan-lahan mereka ini dapat mengubah tingkah laku mereka sehingga selaras dengan kehendak agama.

Dapat disimpulkan, didalam pengajaran strategi motivasi yang digunakan oleh Nabi SAW bagi mendorong perubahan tingkah laku pelajar yang melakukan kesalahan boleh menyelamatkan dan menaikkan maruahnyanya.

Sebagai contohnya di sekolah, pelajar yang melakukan kesalahan melanggar peraturan sekolah seperti menyimpan kuku ataupun rambut panjang, tidak boleh dimalukan di khalayak ramai, mereka perlu dinasihatkan dengan cara berhikmah tanpa menjatuhkan air muka mereka (Tim Pengkaji Hadith Psikologi 2013).

#### **f. Kecindan dan Humor**

Menurut Gani Hamzah (2011) pendidik yang berkesan ialah mereka yang tidak menganggap semua perkara adalah serius dan menjadikan pembelajaran merupakan suatu yang seronok dan menghiburkan. Jika seseorang guru menyelitkan jenaka dalam pengajarannya, ia menimbulkan kesan seronok dan positif kepada pelajar. Mereka berasa selesa, gembira dan tidak terancam serta berasa guru mereka mesra, mudah didekati dan bersikap terbuka. Dengan timbulnya perasaan positif terhadap guru, pelajar akan lebih terbuka menerima teguran dan nasihat guru.

Antara kaedah pengajaran yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW bersama sahabat adalah bergurau yang tidak keterlaluan. Baginda SAW hanya berseloroh dan bergurau dalam perkara yang benar dan bertujuan menyampaikan ilmu.

Antara contohnya sebuah hadis yang bermaksud:

*Daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata: Seorang lelaki memohon daripada Rasulullah SAW agar ia menunggang unta, lalu kata Baginda: Sesungguhnya daku akan membawamu (menaiki) anak unta. Lelaki itu terus berkata: Wahai Rasulullah SAW, apakah yang bolehku lakukan dengan anak unta ini? Maka sabda Baginda SAW: Bukankah unta yang besar itu juga berasal daripada ibu unta? (anak unta juga) (Riwayat Abu Daud )*

Dalam hadis ini, kita mendapati bahawa baginda memahami para sahabat menerusi

kaedah gurauan yang lembut, ini kerana unta walaupun ianya besar dan menanggung beban yang berat, tetapi ia masih dikira anak unta (Abu Ghuddah, 2015).

Walaupun jenaka biasa dan selalu digunakan, tetapi kajian yang dibuat oleh pakar psikologi sosial menyatakan jenaka tidak berapa berkesan untuk mempengaruhi sikap dan pemikiran murid. Maka elakkan menggunakan teknik gurauan atau jenaka apabila guru mempunyai tujuan untuk mendorong pelajar supaya mengubah pemikiran, sikap, kepercayaan dan tingkah laku mereka (Gani Hamzah, 2011). Dalam konteks pelaksanaan jenaka oleh Nabi Muhammad SAW pun kita akan dapati bahawa Nabi Muhammad SAW tidak bergurau secara berlebihan dan keterlaluan serta bergurau dalam perkara yang benar sahaja disamping menyampaikan ilmu dalam gurauan tersebut.

### **g. Bermain dan Riadah**

Permainan merupakan satu cara melatih seseorang dan merupakan satu teknik yang baik untuk dijadikan sebagai kaedah pengajaran lebih menarik dan efektif.

Fitrah anak suka bermain dan berhibur. Menjadi kewajipan ibu bapa kreatif dalam mendidik mengikut perkembangan umur mereka.

Abdullah Ibnu al-Harith R.A melaporkan, Rasulullah SAW membariskan Abdullah, Ubaidullah dan beberapa anak lainnya daripada cucu-cucu Abbas r.a. Kemudian Baginda mengatakan, “Siapa yang mampu sampai kepadaku terlebih dahulu, maka dia akan mendapat hadiah demikian dan demikian. Mereka pun berlumba lari ke arah Baginda. Lalu memeluk belakang dan dada Baginda. Baginda mencium dan memeluk mereka. (Riwayat Imam Ahmad)

Menurut Mohd Salleh (2011), antara kelebihan teknik permainan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah pelajar tidak akan berasa bosan, melatih pelajar berinteraksi dengan bebas sesama mereka. Di samping itu, guru dapat mengenal dengan mudah kemampuan murid dan kelemahan murid semasa bermain.

Para pendidik perlu kreatif untuk mewujudkan aktiviti yang sesuai untuk anak-anak. Sebagai contohnya aktiviti bermain sambil belajar berlumba mencari nama-nama nabi dengan menampal di dinding, sesiapa yang dapat mencari semua nama nabi dikira sebagai pemenang beri pujian dan kata semangat kepada mereka untuk mencuba lagi bagi aktiviti yang akan datang (Isfadhiah, 2018).

Rasulullah SAW telah menceritakan tentang riadah menerusi sebuah hadis Baginda SAW yang bermaksud:

Daripada Jabir bin Umair RA berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Setiap perkara yang tidak disebut nama Allah SWT adalah sia-sia dan lalai melainkan empat benda: Perjalanan seorang lelaki di antara dua matlamat, seorang yang mengajar kudanya, bernesra dengan isteri dan juga belajar berenang”.

Kesimpulannya, beriadah atau bersukan amat penting di dalam kehidupan kita agar menjadi seorang mukmin yang sihat dan kuat. Ini kerana, di dalam sebuah hadis:

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: "Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dikasihi oleh Allah SWT daripada Mukmin yang lemah". (Riwayat Muslim)

#### **h. Multibahasa**

Rasullullah SAW menggalakkan para sahabat mempelajari bahasa asing untuk mendapat faedah daripada tamadun lain dan berusaha menterjemah khazanah ilmu mereka ke dalam bahasa Arab. Antara sahabat ada yang mahir dalam bahasa Parsi, Rom, Habsyi, tetapi tidak terdapat sahabat yang mahir dalam bahasa Siryani yang digunakan oleh kaum Yahudi. Baginda SAW memerintahkan Zaid bin Thabit supaya mendalami bahasa tersebut.

Ini berdasarkan kepada sebuah athar Nabi Muhammad SAW bersama para sahabat iaitu:

Maksudnya: Zaid bin Thabit RA berkata, "*Rasulullah SAW memerintahkan aku untuk mempelajari tulisan orang-orang Yahudi. Lalu aku mempelajari penulisan orang-orang Yahudi untuk beliau.*" Zaid berkata, "*Demi Allah, sungguh aku tidak merasa aman kepada orang-orang Yahudi terhadap tulisanku. Lalu aku mempelajarinya, dan hanya berlalu setengah bulan aku telah menguasainya. Lalu aku menuliskan untuknya apabila Beliau (ingin) menulis dan aku membacakan untuknya jika beliau mendapat surat.*" (Riwayat Abu Daud)

Dalam athar yang lain pula, Zaid bin Thabit R.A berkata:

Maksudnya: *Rasulullah SAW memerintahkanku untuk mempelajari bahasa Suryani.* (Riwayat al-Tirmizi)

Melalui dalil ini, jelas menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW tidak pula melarang perbuatan sahabat Baginda, malah Nabi sendiri yang menyuruh Zaid bin Thabit untuk mempelajari bahasa asing tersebut.

Firman Allah SWT :

Maksudnya: *Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka* (Ibrahim: 4)

Rasulullah SAW juga menghantar para sahabat belajar bahasa asing untuk menyebarkan Pendidikan Islam seperti Muaz bin Jabal ke Yaman, Abdullah bin Masud ke Kufah, Abu Musa al-Asyaari ke Basrah.

Justeru, tidak menjadi kesalahan para pendidik dan pelajar untuk menguasai pelbagai bahasa kini bagi tujuan berdakwah dan mengembangkan agama Islam.

#### **i. Adil dan Saksama**

Allah SWT melarang hamba-Nya bersikap pilih kasih dan tidak berlaku adil terutama



dalam mendidik dan melayani anak. Pendidik dituntut untuk berlaku adil dan saksama kepada anak didiknya serta tidak membeza-bezakan mereka.

Nu'man bin Basyir r.a melaporkan, Rasulullah SAW mengatakan, “Berlaku adillah kepada anak-anak kamu, berlaku adillah kepada anak-anak kamu, berlaku adillah kepada anak-anak kamu dalam pemberian sebagaimana kamu suka apabila mereka berlaku adil kepada kamu dalam hal berbakti dan kelembutan.” (Riwayat Imam Ahmad, Abu Daud, An Nasaie dan Ibnu Hibban)

Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT

“Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah SWT maha mengetahui atas setiap yang kamu kerjakan” (al-Maidah: 8)

Dalam menyampaikan ajaran Islam, Rasulullah SAW diajar oleh Allah SWT supaya tidak bersikap diskriminasi. Baginda SAW sendiri dididik oleh Allah SWT ketika Abdullah bin Ummu Maktum datang hendak menemui Baginda. Pada saat itu, Baginda sedang berbincang dengan pembesar-pembesar Quraisy dan Baginda telah memasamkan mukanya. Maka turunlah ayat al-Quran menegur sikap Baginda SAW itu:

Maksudnya: “Dia (Muhammad bermuka masam dan berpaling, kerana telah datang seorang buta kepadanya” (Abasa:1-2)

Rasulullah SAW juga memberikan keadilan melalui pendidikan untuk semua tanpa diskriminasi dengan memberi peluang dan membuka ruang kepada semua orang untuk belajar. Terdapat satu hari khas untuk mengajar kaum wanita yang diketuai oleh Saidatina Aishah sebagai rujukan para muslimat. Justeru, pendidik perlulah memastikan anak didiknya mendapat didikan dan layanan yang adil agar tidak mengundang permusuhan sesama mereka.

#### **j. Didik Hibur**

Didik hibur melalui muzik dan nyanyian antara perkara diharuskan dalam agama dengan syarat tidak melanggar batasan syarak seperti lagu dan muzik yang melalaikan dan mempunyai unsur-unsur lalai serta keseronokan tanpa batas.

Terdapat beberapa hadis yang menunjukkan Nabi Muhammad SAW membenarkan para sahabat berhibur dengan muzik dan nyanyian seperti berikut:

Maksudnya: Aisyah r.a mempersiapkan seorang wanita untuk dinikahi seorang lelaki. Rasulullah SAW pun bersabda: “Wahai ‘Aisyah, tidak adakah sebarang hiburan dalam majlis perkahwinan ini? Sesungguhnya kaum Ansar amat menyukai hiburan. (Riwayat al-Bukhari)

Selain itu, hadis daripada Anas bin Malik r.a , katanya:

Maksudnya: Sesungguhnya Nabi SAW berjalan di sekitar Madinah al-

Munawwarah, dan Baginda SAW melihat beberapa orang gadis memukul gendang sambil menyanyi: Kami gadis dari Bani Najjar, betapa bertuahnya memiliki jiran seperti Muhammad. Nabi SAW pun bersabda: Allah SWT Mengetahui betapa aku sangat mencintai kalian. (Riwayat Ibn Majah)

Daripada Aisyah r.a, beliau meriwayatkan:

Maksudnya: Suatu hari Abu Bakar RA datang melawatnya pada hari Raya Aidilfitri atau Aidiladha, dan Nabi Muhammad SAW ada bersamanya pada hari itu. Bersama Aisyah juga ada dua orang penyanyi wanita yang sedang menyanyikan lagu kaum Ansar tentang hari Bu'ath. Maka Abu Bakar pun berkata "seruling syaitan" sebanyak dua kali. Maka Nabi SAW pun berkata "biarkan mereka berdua wahai Abu Bakar, sesungguhnya bagi setiap kaum ada hari perayaan, dan hari ini merupakan hari raya bagi kita." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Menurut Syeikh Abdullah al-Judai', hadith ini menunjukkan galakan hiburan berbentuk nyanyian dan muzik pada hari Raya, dan hukum keharusan muzik dan nyanyian pada selain hari perayaan telah tsabit melalui pelbagai riwayat yang lain (Bayan Linnas Siri Ke-197: Islam Dan Muzik).

Diriwayatkan pula oleh al-Rubai' binti al-Mu'awwiz R.A:

Maksudnya: Nabi Muhammad SAW telah datang kepadaku pada hari perkahwinanku, dan Nabi Muhammad SAW duduk di atas katil yang kamu (perawi Khalid ibn Zakwan) sedang duduk sekarang, sedang sekumpulan remaja perempuan bermain gendang dan menyanyikan lagu kesedihan sempena kematian ayahku yang terbunuh sewaktu perang Badar. Kemudian salah seorang perempuan tersebut berkata "Ada seorang Nabi dalam kalangan kami yang mengetahui apa yang akan terjadi esok". Nabi Muhammad SAW berkata kepadanya: "Jangan kamu kata begitu, tapi teruskan apa yang kamu katakan sebelumnya." ( Riwayat Bukhari)

Daripada al-Saib bin Yazid:

Diriwayatkan juga bahawa Saidina Umar pernah mendengar seorang lelaki menyanyi di satu padang pasir, lalu beliau berkata:

Maksudnya: Nyanyian itu merupakan bekalan bagi seorang pengembara (Riwayat al-Baihaqi)

Pada peringkat awal perkembangan anak, mereka lebih gemar muzik atau nyanyian. Pendidik perlu mempelbagaikan alternatif seperti memperdengarkan lagu-lagu ketuhanan, dakwah dan agama. Melalui teknik ini, anak-anak mudah ingat tentang ilmu-ilmu agama terutama asas tauhid dan ibadah yang wajib dilaksanakan. Dengan rangsangan daya ingatan anak melalui aktiviti nyanyian. Hasilnya anak mudah ingat apabila perkara atau ilmu yang dilagukan dan berulang-ulang.

Contohnya nasyid tentang Asmaul Husna, rukun Islam, rukun iman, solat, wuduk, nama-nama nabi, iqra' dan keluarga nabi. (Isfadhah, 2018)

## Penutup

Pada hakikatnya, banyak seni mendidik yang digunakan oleh Rasulullah yang perlu dikaji daripada semua dalil dan sirah Rasulullah. Kajian yang lebih mendalam sangat perlu kerana Rasulullah adalah pendidik unggul yang paling berjaya dalam menyampaikan pengajaran secara menyeluruh mencakupi bidang kognitif, efektif dan psikomotor. Ini terbukti apabila Nabi Muhammad SAW telah diletakkan pada kedudukan nombor satu oleh Micheal Hart, dalam bukunya yang berjudul *The 100 Most Influential Persons In History* dan merupakan satu-satunya pemimpin dunia yang telah berjaya memberikan inspirasi dan amat istimewa serta bernilai untuk dikaji (Ismail Noor, 2000).

Rasulullah SAW berjaya menghasilkan generasi yang unik yang mengamalkan sepenuhnya apa yang terkandung dalam al-Quran. Justeru, Bagindalah model dalam pengajaran atau pendidik mithali yang perlu dijadikan contoh dan role model dalam pengajaran dan pembelajaran bukannya tokoh-tokoh barat.

Mudah-mudahan buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua pendidik sama ada di rumah mahupun di sekolah, serta mendapat keberkatan dan pahala dengan mengamalkan sunnah Nabi Muhammad SAW dalam mendidik.

## Rujukan

- Al-Quran & Terjemahannya. (2007). Kuala Lumpur. Pustaka Darul Iman Sdn Bhd
- Abdul Halim Muhammady (1986). Peranan Guru Dalam Pendidikan Islam. Jurnal Pendidikan Islam, Biro Pendidikan, Angkatan Belia Islam Malaysia. Selangor Darul Ehsan Malaysia.
- Abdullah Nasih Ulwan (2017). Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam. Jilid Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- Abu Dawud, Imam. (1994) Sunan Abi Dawud. Jil 1-2 Beirut; Dar al Fikr.
- Abu Ghuddah, A. F. (2015). Rasulullah Pendidik Terulung : 40 Teknik Rasulullah & Mengajar. Terjemahan Dr Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: Al Azhar Media.
- Al Bukhari. (1994). Sahih Al Bukhari. Jilid 1-5. Beirut: Dar al Fikr. Tahqiq: Syeikh Abdul Aziz Abdullah.
- Al-Mabarkafuri, Sofi Al Rahman. (1994). Al Rahiq Al Makhtum. Riyadh. Maktabah Dar al Salam
- Al-Munziri, Imam Al Hafiz Abd Al Azim bin Abd Al Qawi. (1990). Al Targhib wal al Tarhib min al Hadith al Sharif. Beirut: Dar Maktabah al Hayah.
- Al Nasa'i , Imam. (1930). Sunan al Nasa'i bi Sarh al Hafiz Jalal al Din al Suyuti wa Hashiah Imam al Sundi. Beirut: Dar al Fikr.
- Al Nawawi, Imam (1983). Riyad al Salihin. Beirut. Dar al Fikr.
- Asfiati. (2015). Kurikulum Pendidikan Islam Pada Masa Nabi, Forum Paedagogik Vol 07 No 1 Januari 2015.
- Azmil Hashim, Kamarul Azmi Jasmi (2016). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz Al-Quran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bayan Linnas Siri Ke-197: Islam Dan Muzik. Diambil Daripada <https://Muftiwp.Gov.My/Artikel/Bayan-Linnas/3570-Bayan-Linnas-Siri-Ke-197-Islam-Dan-Muzik>
- Dody Utomo. (2016). Sejarah Perkembangan Pemikiran Pendidikan Islam Pada Zaman Rasulullah SAW. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Kediri.

- Gani Hamzah, M. S (2011). Karakter Guru. Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd
- Ghazali Darusalam (2001). Pedagogi Pendidikan Islam. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Ghazali Basri (2017). Pendidikan Islam : Huraian Konsep dan Aplikasi. Selangor:IDE Research Centre Sdn Bhd.
- Ibnu Mandhur, Jamal Al Din Muhammad Ibn Mukram.(1990). Lisan al Arab. Jilid 1-15. Beirut. Dar Sadir.
- Ismail Noor (2000) Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W Pengurusan Altruistik Model Ikutan Sepanjang Masa. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Isfadhah, D. (2018). Bijak Parenting. Selangor: Publishing House Sendirian Berhad.
- Kamarudin Hj Husin ( 2003). Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi. Subang Jaya. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin, Siti Hajar Abdul Aziz (2004), Pedagogi Asas Pendidikan. Kuala Lumpur. Kayazano Enterprise.
- Kamilin Jamilin (2021), Muhammad SAW Insan Paling Sempurna Pernah Dilahirkan. Selangor : Karya PiS Sdn Bhd
- Laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan <https://muftiwp.gov.my/>
- Mohd, A (2009). Siapa Muhammad bin Abdullah. Selangor : PTS Islamika Sdn Bhd.
- Mohd, A., Khairulaniza, Siti Khadijah & Nurhidayah (2013). Mendorong Pelajar Corot dengan Teknik Nabi Muhammad. Kuala Lumpur, Buku Pandai Publications.
- Maria Chong, Samsilah dan Tajularipin. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi : Satu Anjakan Paradigma. Univerisiti Putra Malaysia.
- Mohd Asri (2012) . Artikel Ikut Dalil dan Fakta Bukan Taklid Buta . <http://drmaza.com/home/?p=2115>
- Mohd Khairul Nizam (2012). Motivasi Gaya Rasulullah. Selangor: PTS Millenna Sdn Bhd
- Mohd Rashidi Omar, Afiqah Ahmad Damahuri (2020). Pendidikan Efektif Gaya Rasulullah. Selangor : Santai Ilmu Publication.
- Mohd. Salleh, A. (2011). Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Muhammad Said Ramadan Al Buti.(2000). Fiqh Al Sirah. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Muslim, Abu al Husain Muslim b. Al Hajjaj b Muslim al Qushairi al Naisaburi.( 2001). Sahih Muslim. Beirut: al Maktabah al Asriyyah.
- Mutiara Swandhina, & Redi Awal Maulana. (2022). Generasi Alpha : Saatnya Anak Usia Dini Melek Digital Refleksi Proses Pembelajaran Dimasa Pandemi Covid-19. *JESA - Jurnal Edukasi*, Sebelas April, 6(1), 1–9. Retrieved from <https://ejournal.unsap.ac.id/index.php/jesa/article/view/10>
- Noor Aini Ahmad (2018). Pengajaran dan Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noor Hisham Mat Dawi (2011). Pengajaran dan Pembelajaran : Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran 2011.
- Omar, M. R., & Ahmad Damahuri, A. (2021). Muhammad: Landasan Sunnah Melenturi Jiwa. Kuala Lumpur : Rimbunan Islamik Media Sdn Bhd.

- Tim Pengkaji Hadith Psikologi (2013). Bengkel Mendorong Pelajar Kelas Corot. Selangor. PTS COE Sdn Bhd.
- Umardin, Y. (2017). Menjadi Orang Tua Dari Generasi Alpha. Available online at [http://www.familyguideindonesia.com/assets/widget/file/FG\\_44\\_Calameo.pdf](http://www.familyguideindonesia.com/assets/widget/file/FG_44_Calameo.pdf).
- Ustazah Isfadiyah Mohd Dasuki (2018). 365 Tip Didik Anak Gaya Nabi. Selangor. PTS Publication & Distributors Sdn Bhd
- Zaidatul Akmaliah, Habibah Ellias (1990). Strategi Pengajaran Kemahiran Hidup Perdagangan dan Keusahawanan KBSM. Shah Alam. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Zuhri. (2012). Sejarah Pendidikan Islam 1. <http://www.zuhri.com.sg/index.php/muat-turun/nota/diploma-pengajian-islam-sepenuh-masa/spi-1/1177-sejarah-pendidikan-islam-i-wk-1>
- Zulkifli Mohd Yusoff, Nor Naemah Abd Rahman (2013). Biografi Muhammad bin Abdullah. Selangor . PTS Islamika Sdn Bhd.